

B. HARIAN 7/9/1980

## Rombakan kabinet: Mahathir tidak tahu

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak tahu menahu tentang rombakan besar Kabinet seperti dilaporkan oleh akhbar.

"Setakat ini saya tidak tahu menahu tentang rombakan besar yang dilaporkan akan berlaku dalam kabinet," katanya.

"Bagaimanapun, terserahlah kepada Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri untuk memutuskan perkara tersebut," ujar beliau.

Datuk Hussein kini berada di New Delhi menghadiri Persidangan Serantau Ketua-ketua Negara Komanwel dan dijangka pulang minggu depan.